

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : JAWAB BUKAN LISAN

**DARIPADA : YB PUAN KASTHURIRAANI A/P PATTO
(BATU KAWAN)**

SOALAN

PUAN KASTHURIRAANI A/P PATTO (BATU KAWAN) minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan berapakah anak muda di bawah umur 18 tahun yang terlibat dalam gejala gangsterism dan apakah usaha-usaha konkrit yang sedang dan akan dilaksanakan oleh kerajaan merentasi semua kementerian untuk memastikan anak-anak muda tidak menjadi mangsa geng dan untuk memastikan wujud peluang pekerjaan untuk mereka tidak kira latar belakang, etnik, dan jantina.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Berdasarkan rekod Polis Diraja Malaysia (PDRM), pada tahun 2018 seramai 943 orang remaja bawah umur 18 tahun yang didapati terlibat dengan kegiatan kongsi gelap atau “gangsterisme”. Daripada jumlah tersebut, seramai 709 orang adalah mereka yang masih bersekolah. Bagi tempoh Januari hingga Julai 2019 pula, seramai 451 orang remaja bawah umur 18 tahun didapati terlibat dengan kegiatan tersebut di mana 354 orang daripadanya adalah mereka yang masih bersekolah.

Kerajaan menyedari penglibatan remaja-remaja ini dengan kegiatan gangsterisme boleh menyumbang kepada kegiatan jenayah yang lebih serius. Dalam hal ini, Kementerian Dalam Negeri melalui PDRM telah mengambil pelbagai langkah untuk membendung gejala ini. Antara langkah-langkah tersebut ialah:

- a) melantik pegawai-pegawai polis sebagai pegawai perhubungan sekolah (*liaison officer*) untuk mengenalpasti dan memantau pelajar-pelajar yang terlibat dengan masalah disiplin seperti buli, peras ugut dan gangsterisme;
- b) mengadakan kerjasama dengan pihak sekolah, Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) dan jabatan pelajaran dalam mencari penyelesaian terhadap isu ini. Antara tindakan yang telah diambil ialah mengadakan kempen kesedaran kepada pelajar mengenai kesan negatif gangsterisme dan jenayah serta mengadakan sesi kaunseling dan pemulihan terhadap pelajar yang terlibat dengan masalah disiplin; dan
- c) mengenalpasti dan menyekat akses laman-laman web yang merekrut pelajar-pelajar sekolah menjadi ahli kumpulan kongsi gelap. Tindakan menyekat laman web tersebut akan diambil oleh pihak Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM).

SOALAN NO : 477

Kerajaan menyedari tindakan undang-undang ke atas pelajar-pelajar ini akan menjejaskan masa depan mereka. Dalam hal ini, tindakan undang-undang hanya akan diambil selepas usaha-usaha pencegahan awal tidak lagi mampu membendung masalah tersebut.

STATISTIK REMAJA BAWAH UMUR 18 TAHUN TIDAK BERSEKOLAH YANG TERLIBAT DALAM GEJALA GANGSTERISME BAGI TAHUN 2018

KONTINJEN	PECAHAN BANGSA				JUMLAH TANGKAPAN
	MELAYU	CINA	INDIA	LAIN-LAIN	
KUALA LUMPUR	6	0	0	0	6
SELANGOR	9	12	6	0	27
JOHOR	4	39	0	0	43
PULAU PINANG	46	4	52	0	102
PERAK	0	4	0	0	4
NEGERI SEMBILAN	0	0	0	0	0
PAHANG	12	0	1	0	13
SARAWAK	1	0	0	1	2
SABAH	1	3	0	1	5
PERLIS	0	0	0	0	0
KEDAH	0	0	0	0	0
MELAKA	14	10	8	0	32
TERENGGANU	0	0	0	0	0
KELANTAN	0	0	0	0	0
	93	72	67	2	234

STATISTIK REMAJA BAWAH UMUR 18 TAHUN MASIH SEKOLAH YANG TERLIBAT DALAM GEJALA GANGSTERISME BAGI TAHUN 2018

KONTINJEN	PECAHAN BANGSA				JUMLAH TANGKAPAN
	MELAYU	CINA	INDIA	LAIN-LAIN	
KUALA LUMPUR	6	1	0	0	9
SELANGOR	72	17	47	0	138

SOALAN NO : 477

JOHOR	46	45	18	0	109
PULAU PINANG	29	4	57	1	96
PERAK	0	2	1	0	3
NEGERI SEMBILAN	25	2	1	0	30
PAHANG	75	1	3	1	80
SARAWAK	10	0	0	18	28
SABAH	4	2	0	58	64
PERLIS	0	0	0	0	0
KEDAH	30	0	2	0	42
MELAKA	30	3	0	0	34
TERENGGANU	0	0	0	0	0
KELANTAN	69	0	0	0	76
	422	77	132	78	709

**STATISTIK REMAJA BAWAH UMUR 18 TAHUN TIDAK BERSEKOLAH YANG
TERLIBAT DALAM GEJALA GANGSTERISME
BAGI JAN HINGGA JULAI TAHUN 2019**

KONTINJEN	PECAHAN BANGSA				JUMLAH TANGKAPAN
	MELAYU	CINA	INDIA	LAIN-LAIN	
KUALA LUMPUR	11	13	2	1	27
SELANGOR	6	2	1		9
JOHOR	6	30	2		38
PULAU PINANG					0
PERAK					0
NEGERI SEMBILAN					0
PAHANG					0
SARAWAK	1				1
SABAH					0
PERLIS					0
KEDAH					0
MELAKA	10		8	2	20
TERENGGANU	2				2
KELANTAN					0
	36	45	13	3	97

**STATISTIK REMAJA BAWAH UMUR 18 TAHUN MASIH SEKOLAH YANG
TERLIBAT DALAM GEJALA GANGSTERISME
BAGI JAN HINGGA JULAI TAHUN 2019**

KONTINJEN	PECAHAN BANGSA				JUMLAH TANGKAPAN
	MELAYU	CINA	INDIA	LAIN- LAIN	
KUALA LUMPUR	7	2	5		14
SELANGOR	25	7	4		36
JOHOR	80	12	15		107
PULAU PINANG					0
PERAK	20		3		23
NEGERI SEMBILAN	10				10
PAHANG					0
SARAWAK	3			3	6
SABAH	3			23	26
PERLIS	16				16
KEDAH	10		7		17
MELAKA	48	5	7	1	61
TERENGGANU	3				3
KELANTAN	35				35
	260	26	41	27	354